

Faktor yang Mempengaruhi Pengurusan Risiko Keselamatan Di Makmal: Suatu Kajian Kepustakaan Sistematis

(Factors Influencing Safety Risk Management in the Laboratory: A Systematic Literature Review)

ZURAIDA KAMARUDDIN^{1,*}, ZAIDI ISA² & SAIFUL HAFIZAH JAMAAN@SHARMAN²

¹Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

²Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Diserahkan: 7 Mei 2024/Diterima: 26 Jun 2024

ABSTRAK

Pengurusan risiko keselamatan merupakan aspek kritikal dalam makmal kejuruteraan disebabkan oleh uji kaji yang kompleks dan kemunculan teknologi terkini yang meningkatkan risiko kemungkinan berlakunya kemalangan. Kajian kepustakaan sistematik ini melibatkan 23 artikel yang mematuhi garis panduan PRISMA dan mengkategorikan faktor yang mempengaruhi protokol keselamatan. Kajian ini memfokuskan kepada persoalan kajian iaitu apakah faktor utama yang mempengaruhi amalan pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan dan bagaimanakah faktor ini mempengaruhi persekitaran keselamatan di makmal? Melalui penyelidikan ini, faktor penyumbang telah dikenal pasti dan dikelaskan ke dalam lima tema utama: 1) Protokol Pengurusan Risiko, 2) Faktor Organisasi, 3) Faktor Fizikal dan Persekitaran, 4) Faktor Luar dan Kontekstual dan 5) Hala Tuju Inovatif Baharu. Bidang ini mempengaruhi tindakan keselamatan dengan cara yang kompleks. Hasil kajian ini memaparkan protokol keselamatan yang berkesan, integriti organisasi, pematuhan peraturan dan strategi keselamatan yang inovatif. Pemahaman yang lebih mendalam ini meningkatkan langkah keselamatan, mengurangkan kemalangan, memacu budaya mengutamakan keselamatan dan menjamin pematuhan keselamatan. Kajian ini secara signifikan menyumbang kepada pengetahuan saintifik tentang pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan, menangani keperluan kritikal untuk melindungi kesejahteraan manusia dan alam sekitar.

Kata kunci: Kepustakaan sistematik; keselamatan; makmal kejuruteraan; pengurusan risiko keselamatan; PRISMA

ABSTRACT

Safety risk management is an imperative concern in engineering laboratories, where complex experiments and emerging technologies increase accident potential. This study provides a systematic analysis of factors influencing safety risk management in such settings. This systematic literature review involves 23 articles that adhere to PRISMA guidelines and categorize the factors influencing safety protocols. The study revolves around question research is what are the key factors influencing safety risk management practices in engineering laboratories, and how do these factors impact the overall safety environment? Through this lens, the research identifies and classifies contributing factors into five key domains: 1) Risk Management Protocol, 2) Organizational Factor, 3) Physical and Environmental Factor, 4) External Factors and Contextual, and 5) Innovative Future-Oriented Directions. These domains intricately influence safety measures. Findings highlight effective safety protocols, organizational cohesion, regulatory compliance, and innovative safety strategies. This nuanced understanding enhances safety measures, reduces accidents, fosters a safety-centric culture, and ensures compliance. The study contributes significantly to scientific knowledge on safety risk management in engineering laboratories, addressing the critical need to protect human and environmental well-being.

Keywords: Engineering laboratories; PRISMA; safety; safety risk management; systematic literature

PENGENALAN

Makmal kejuruteraan ialah persekitaran yang kompleks dengan operasi dinamik dan pelbagai risiko keselamatan yang wujud. *The Safety Engineering and Risk Analysis*

Division (SERAD), (2001), menekankan kepentingan pendekatan sistematik terhadap kejuruteraan keselamatan alam sekitar dan analisis risiko. Pendapat ini sekali lagi dinyatakan oleh Sarac, Absi dan Dazere-Pères (2010),

yang mengemukakan kepentingan teknologi kejuruteraan kesihatan dan keselamatan, terutamanya dalam industri seperti petrokimia yang berkait rapat dengan makmal kejuruteraan. Kajian baharu menunjukkan bahawa keadaan keselamatan makmal kejuruteraan awam memerlukan penambahbaikan dalam pengurusan dan penyeliaan (Zhang et al. 2020).

Keperluan kajian ini menjadi jelas apabila mempertimbangkan insiden seperti kebakaran dan letupan di loji minyak *Valero McKee* di Amerika Syarikat. Kejadian tersebut menekankan keperluan pengurusan risiko keselamatan yang cekap dalam persekitaran kejuruteraan. Proses pengurusan keselamatan yang tidak cekap meningkat secara signifikan kemungkinan berlakunya kemalangan yang boleh membawa kepada kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Oleh itu, kajian dalam bidang pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan adalah penting untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor yang boleh meningkatkan keselamatan dan mengurangkan risiko kemalangan (Occupational Safety and Health Administration 2017). Insiden ini menyerlahkan kemungkinan akibat daripada pengurusan risiko keselamatan yang tidak mencukupi dan keperluan untuk pemeriksaan yang menyeluruh. Tambahan pula, kekompleksan yang semakin meningkat dalam projek-projek kejuruteraan, terutamanya dalam konteks rel berkelajuan tinggi, telah membawa kepada penambahan dimensi baharu risiko keselamatan yang masih belum sepenuhnya difahami (Shen et al. 2021).

Engemann dan Abrahamsen (2020) menyatakan pendekatan yang komprehensif dan berasaskan sains adalah penting untuk pengurusan risiko keselamatan yang berkesan dalam persekitaran yang dinamik seperti makmal kejuruteraan. Objektif ini meliputi pemahaman struktur hierarki risiko keselamatan, yang merangkumi dimensi manusia, bahan, alam sekitar dan pengurusan (Du, Han & Shang 2022). Kepentingan kajian ini terletak pada potensinya untuk menyumbang secara signifikan kepada peningkatan protokol keselamatan di makmal kejuruteraan dengan meneliti dan menganalisis faktor yang mempengaruhi pengurusan risiko keselamatan di persekitaran tersebut. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meningkatkan pengurusan risiko keselamatan dalam makmal kejuruteraan. Kajian ini adalah untuk mengesahkan faktor utama yang mempengaruhi amalan pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan, termasuk untuk mengkaji bagaimana faktor ini mempengaruhi persekitaran keselamatan makmal.

Dengan mengambil kira perkara ini, kajian kepustakaan sistematik ini bertujuan untuk menangani persoalan kajian utama iaitu apakah faktor utama yang mempengaruhi amalan pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan, dan bagaimanakah faktor ini mempengaruhi persekitaran keselamatan di makmal?

Walaupun terdapat kemajuan dalam pengurusan risiko keselamatan, tetapi masih terdapat jurang penyelidikan yang signifikan dalam kepustakaan tentang faktor yang mempengaruhi pengurusan risiko keselamatan dalam makmal kejuruteraan. Kajian oleh Ali et al. (2023a) meneliti aplikasi sistem penilaian bahaya dalam makmal kejuruteraan petroleum. Namun, penyelidikan ini tidak mengkaji bagaimana sistem tersebut boleh disesuaikan untuk disiplin kejuruteraan lain. Sebaliknya, penyelidikan oleh Ali et al. (2023b) mengenai pengurusan risiko dalam industri pembinaan memerlukan pengesahan dalam konteks makmal kejuruteraan pelbagai disiplin.

Kajian oleh Pertiwi et al. (2021) di Politeknik Bali mengkaji pengurusan risiko dalam makmal bahan dan menekankan keperluan mendesak untuk strategi penilaian risiko yang lebih fleksibel dan dapat disesuaikan bagi makmal kejuruteraan dalam disiplin lain. Namun, kajian ini tidak memberikan panduan khusus mengenai cara mengembangkan strategi tersebut. Di samping itu, Ding (2021) membangunkan model penilaian risiko untuk makmal analisis fizikal dan kimia, tetapi model ini perlu digabungkan ke dalam sistem pengurusan risiko yang lebih komprehensif. Terdapat keperluan untuk model yang tidak hanya berfokus pada aspek teknikal tetapi juga merangkumi faktor tingkah laku, organisasi dan budaya.

Secara keseluruhan, kajian masa depan harus menumpukan pada penyesuaian sistem penilaian risiko untuk pelbagai disiplin kejuruteraan, pengesahan metodologi pengurusan risiko dalam konteks makmal yang berbeza dan pembangunan model penilaian risiko komprehensif yang merangkumi faktor tingkah laku, organisasi dan budaya. Oleh kerana kepentingan keselamatan di makmal kejuruteraan, kajian ini adalah relevan dan penting. Kajian ini selaras dengan perbincangan yang lebih luas mengenai keselamatan industri dan pengurusan risiko, menyumbang kepada penyelidikan yang komprehensif mengenai topik ini. Selain itu, kajian ini menyumbang kepada pengetahuan sedia ada dalam bidang saintifik mengenai faktor yang mempengaruhi pengurusan risiko keselamatan dalam makmal kejuruteraan. Ini selaras dengan kajian lepas yang menekankan keperluan untuk mengamalkan pendekatan komprehensif terhadap keselamatan dalam rangka kerja kejuruteraan (Tziakou, Fragkaki & Platis 2023).

METODOLOGI

Bahagian ini menerangkan enam sub-bahagian utama yang digunakan dalam penyelidikan ini: Merumuskan persoalan kajian, PRISMA, sumber, kriteria kemasukan dan pengecualian, prosedur semakan sistematik dan pengabstrakan dan analisis data.

MERUMUSKAN PERSOALAN KAJIAN

Rangka kerja PICo membantu merumuskan soalan kajian yang tepat dengan memfokuskan pada Populasi, Minat dan Konteks. Bagi persoalan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi amalan pengurusan risiko keselamatan, populasi adalah Pengguna Makmal, termasuk pelajar, penyelidik dan juruteknik. Minatnya adalah dalam faktor keselamatan yang penting untuk keselamatan makmal kejuruteraan. Konteksnya, iaitu Makmal Kejuruteraan untuk mengekalkan tumpuan pada persekitaran khusus ini. Menggunakan rangka kerja PICo memastikan soalan kajian adalah tepat dan relevan, seterusnya meningkatkan kualiti keseluruhan kajian berdasarkan Jadual 1. Rangka kerja ini membantu dalam menyusun soalan kajian yang terfokus, memudahkan proses pengumpulan data dan memastikan bahawa kajian yang dijalankan menjawab isu yang paling penting dan berkaitan dalam konteks penyelidikan.

PRISMA

PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*), rangka kerja ini adalah panduan yang diiktiraf secara meluas dalam semakan sistematik untuk memastikan pelaporan penyelidikan yang telus dan komprehensif (Page et al. 2021). Dokumen ini termasuk senarai tugas dan carta proses untuk meningkatkan kualiti dan ketelusan proses tinjauan. Penyelidik menggunakan PRISMA untuk mengatur dan melaporkan pelbagai peringkat tinjauan secara sistematik. Pernyataan PRISMA adalah suatu carta aliran yang terdiri daripada empat langkah yang digunakan untuk menilai secara kritis ulasan sistematik yang telah diterbitkan (pengenalpastian, saringan, kemasukan dan pengecualian). PRISMA diperkenalkan oleh Moher et al. (2009) untuk memastikan pelaporan penyelidikan yang telus dan komprehensif.

STRATEGI PENCARIAN SISTEMATIK

Strategi pencarian sistematik adalah komponen penting dalam protokol PRISMA, melibatkan pendekatan sistematik untuk mengenal pasti dan memilih kajian yang berkaitan untuk semakan sistematik. Penyelidik

membangunkan pelan carian yang jelas, memilih kata kunci yang sesuai dengan teliti dan mencari dari pelbagai pangkalan data dan sumber untuk memastikan liputan yang komprehensif (Young et al. 2021). Mengurus hasil carian, termasuk mengeluarkan artikel berulang dan mendokumentasikan proses carian, adalah penting untuk ketelusan dan kebolehlugan (Rethlefsen et al. 2021). Karya yang tidak diterbitkan, seperti ringkasan daripada persidangan dan pelbagai laporan yang termasuk dalam kategori kepustakaan tidak formal, juga diambil kira untuk memastikan tinjauan yang menyeluruh. Walaupun ia adalah pilihan, melaksanakan penilaian terhadap kualiti kajian yang dimasukkan dapat meningkatkan tahap kejutuan tinjauan sistematik. Strategi pencarian secara sistematik ini penting untuk memastikan integriti dan kebolehpercayaan proses tinjauan, yang pada akhirnya akan menyokong proses membuat keputusan yang berasaskan bukti dalam penyelidikan.

PENGENALPASTIAN

Berdasarkan persoalan penyelidikan yang dirumuskan, tiga kata kunci utama telah dikenal pasti: makmal kejuruteraan, amalan pengurusan risiko dan faktor yang mempengaruhi keselamatan. Penyelidik menyelidik secara menyeluruh perkataan sinonim, istilah berkaitan dan variasi untuk mengembangkan kata kunci ini. Proses ini melibatkan penggunaan *thesaurus* secara atas talian, menyemak kata kunci yang digunakan dalam kajian terdahulu, meneliti cadangan *SCOPUS* dan mendapatkan pandangan pakar dalam bidang tersebut. Seterusnya, banyak kata kunci yang serupa dengan pengurusan risiko telah dipertimbangkan, termasuk bahaya, risiko, faktor risiko, kebarangkalian, impak, keselamatan, makmal, bengkel, kolej dan politeknik.

Selain itu, proses pencarian melibatkan kedua-dua teknik automatik dan manual. Pendekatan 'pilihan tangan' manual digunakan untuk memastikan carian menyeluruh dalam pangkalan data tertentu seperti Science Direct, IEEE dan Google Scholar. Adalah penting untuk menyatakan bahawa pengurusan risiko, dalam konteks penyelidikan ini, memberi tumpuan sepenuhnya kepada makmal akademik dan bengkel untuk pelajar di institusi pendidikan. Walaupun pengurusan risiko merangkumi banyak aspek, skop

JADUAL 1. Soalan kajian menggunakan Model PICo

Soalan kajian	Populasi	Minat	Konteks
Apakah faktor utama yang mempengaruhi amalan pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan, dan bagaimanakah faktor ini mempengaruhi persekitaran keselamatan di makmal?	Pelajar, penyelidik, atau juruteknik	Faktor utama yang mempengaruhi amalan pengurusan risiko keselamatan dan memahami kesannya	Makmal kejuruteraan

penyelidikan ini terhad kepada persekitaran pendidikan sahaja. Sebanyak 324 artikel berpotensi telah dikenal pasti daripada pangkalan data yang dipilih. Frasa pencarian untuk pengenalpastian seperti dalam Jadual 2.

SARINGAN

Saringan merupakan langkah kedua di mana artikel dipilih untuk disertakan dalam kajian atau dikeluarkan daripadanya, sama ada menggunakan pangkalan data atau secara khusus oleh penyelidik, berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan terlebih dahulu (Jadual 3).

Penyelidik memilih penerbitan berbentuk penyelidikan empirik kerana ia mengandungi data primer. Hanya penerbitan dalam bahasa Inggeris dipilih untuk mengelak kekeliruan. Pemilihan pengajian sains sosial sebagai salah satu kriteria bertujuan untuk mendapatkan lebih banyak artikel berkaitan pengurusan risiko kerana objektif SLR adalah berkaitan dengan persediaan masyarakat. Tiga ratus artikel telah dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria, selebihnya hanya 23 artikel untuk dinilai pada peringkat seterusnya.

KELAYAKAN

Para penyelidik menilai semula artikel yang dipilih secara manual untuk menentukan kesesuaian artikel berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Penilaian ini termasuk mengenal pasti tajuk, abstrak atau keseluruhan

artikel. Pada mulanya, 238 artikel telah dikeluarkan semasa proses saringan berkaitan tajuk dan 232 lagi semasa saringan abstrak. Secara keseluruhan, 300 artikel telah dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria dan tidak berkaitan dengan tajuk pengurusan risiko di makmal dan bengkel. Artikel ini termasuk ulasan pelajar kejuruteraan dan kertas berasaskan sains tidak termasuk kajian daripada bidang bukan sains sosial seperti kejuruteraan atau sains alam sekitar. Hasilnya, hanya tinggal 23 artikel dipilih untuk peringkat seterusnya iaitu proses penilaian kualiti.

Berdasarkan Rajah 1, proses pemilihan artikel mengikut Protokol PRISMA yang terdiri daripada empat peringkat penting: Pengenalpastian, Saringan, Kelayakan dan Kemasukan. Pada awalnya, 324 artikel telah dikenal pasti untuk dikaji. Pada peringkat saringan, 238 artikel telah dikeluarkan berdasarkan tajuknya dan 232 lagi berdasarkan abstraknya. Kemudian, pada peringkat kelayakan, penilaian artikel yang selebihnya adalah berdasarkan kriteria tertentu, termasuk memberi tumpuan kepada pengurusan risiko, relevan dengan kejuruteraan atau sains dan tidak termasuk kajian bukan sains sosial. Ini menghasilkan 301 artikel yang dikeluarkan dan hanya 23 artikel dipilih untuk proses penilaian kualiti dalam peringkat kemasukan. Proses ini penting untuk setiap kajian dengan memberikan panduan yang mudah difahami bagi pemilihan artikel (Higgins et al. 2011; Moher et al. 2009; Shamseer et al. 2015).

JADUAL 2. Frasa pencarian

Pangkalan data	Frasa pencarian
Scopus	<i>TITLE-ABS-KEY (("engineering laborator*" OR lab*) AND ("risk* manage*" "practice" OR "risk* manage*" OR "risk* practice") AND ("factor" "influence*" "safer*" OR "safer* factors" OR "inspire" OR "navigate" OR "foster" OR "lead" OR "empower"))</i>
Web of Science	<i>TS = (("engineering laborator*" OR lab*) AND ("risk* manage*" "practice" OR "risk* manage*" OR "risk* practice") AND ("factor" "influence*" "safer*" OR "safer* factors" OR "inspire" OR "navigate" OR "foster" OR "lead" OR "empower"))</i>

JADUAL 3. Kriteria kemasukan dan pengecualian

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Jenis Dokumen	Artikel (dengan data empirik)	Bab dalam buku, buku, artikel ulasan dan prosiding persidangan
Bahasa	English	Bukan – English
Bidang subjek	Sains sosial, Kejuruteraan	Kajian perubatan, kesihatan awam, sains alam sekitar, geografi dan kajian sains bukan sosial yang lain

PENILAIAN KUALITI

Menurut garis panduan yang dicadangkan oleh Kitchenham dan Charters (2007), selepas memilih kajian utama (KU), penilaian kualiti penyelidikan dalam kajian tersebut adalah penting. Penilaian ini dilakukan melalui Penilaian Kualiti (PK) dengan menetapkan enam soalan penyelidikan untuk membimbing kajian keputusannya sistematik (SLR) adalah seperti berikut:

QA1. *Is the purpose of the study clearly stated?* QA2. *Are the interest and usefulness of the work clearly presented?* QA3. *Is the study methodology clearly established?* QA4. *Are the concepts of the approach clearly defined?* QA5. *Is the work compared and measured with other similar work?* QA6. *Are the limitations of the work clearly mentioned?*


Prosedur penilaian skor yang digunakan untuk menilai setiap QA adalah: Ya (Y) = 1, Sebahagian (P) = 0.5, atau Tidak (No) = 0 (Kitchenham & Charters 2007).

Menurut Abouzahra, Sabraoui dan Afdel (2020), pakar atau profesional dinasihatkan untuk menggunakan sistem penilaian untuk mengkategorikan artikel yang selebihnya kepada tiga tahap kualiti yang berbeza: 'Ya,' 'Sebahagian' dan 'Tidak.' Hanya penerbitan yang mendapat markah 'Ya' dan 'Sebahagian' harus disertakan dalam proses semakan. Fokus utama untuk menilai kedudukan kualiti artikel ialah metodologinya. Untuk artikel dipilih untuk dimasukkan, kedua-dua penyelidik mesti mencapai persetujuan bersama tentang tahap kualiti minimum yang boleh diterima. Individu yang terlibat membincangkan dengan teliti sebarang perselisihan faham sebelum membuat keputusan

mengenai kemasukan atau pengecualian. Selepas memilih kajian kritikal, langkah seterusnya melibatkan penilaian berdasarkan soalan Penilaian Kualiti (QA) yang diterangkan dalam bahagian ini. Jadual 4 membentangkan markah yang diberikan kepada setiap kajian utama pada setiap soalan QA. Keputusan kajian menunjukkan bahawa markah bagi setiap artikel mencapai sekurang-kurangnya 3 daripada 6 mata.

PENGABSTRAKAN DAN ANALISIS DATA

Pengabstrakan data memainkan peranan penting dalam menganalisis dan menilai risiko keselamatan dalam makmal kejuruteraan, membolehkan penyelidik mengasingkan pemboleh ubah berkaitan keselamatan dan membangunkan protokol keselamatan yang lebih berkesan. Sebagai ilustrasi, penyelidikan yang dijalankan oleh Bayer et al. (2023) menunjukkan aplikasi teknik sains data dalam menilai risiko keselamatan. Sementara itu, kajian Dedy, Harahap dan Pradana Syahrana (2023) mengkaji sistem perlindungan kebakaran dalam konteks makmal bangunan, menekankan kepentingan penilaian risiko keselamatan yang komprehensif. Sebaliknya, analisis data melalui pendekatan statistik dan logik menyumbang dengan ketara kepada pengurusan risiko keselamatan. Prosedur ini bukan sahaja memudahkan pengenalpastian corak dan trend dalam insiden keselamatan tetapi juga menyerlahkan bidang yang memerlukan tindakan segera, mengukur kecekapan langkah keselamatan yang telah dilaksanakan dan meramal kemungkinan risiko yang mungkin berlaku pada masa hadapan dengan sokongan teknologi canggih seperti mesin pembelajaran algoritma (Zhang et al. 2020).



RAJAH 1. Jumlah artikel yang dikenal pasti

JADUAL 4. Keputusan proses penilaian kualiti

Penulis	QA1	QA2	QA3	QA4	QA5	QA6	Jumlah	Kemasukan
Zhao et al. (2023)	1	1	1	1	0.5	1	5.5	/
Murcia et al. (2023)	1	1	1	1	0.5	1	5.5	/
Chen et al. (2023)	1	1	1	1	1	1	6	/
Álvarez-Chávez et al. (2019)	1	1	1	1	0.5	0.5	5	/
Zhang et al. (2020)	1	1	1	1	0.5	0.5	5	/
Gong et al. (2020)	1	1	1	1	0.5	0.5	5	/
Corso et al. (2022)	1	1	1	1	0.5	0.5	5	/
Sajorda & Martin (2023)	1	1	1	0	0.5	0	3.5	/
Chiroli et al. (2019)	1	1	1	1	0.5	0	4.5	/
Lin, Wu & Xu (2021)	1	1	1	1	0.5	0	4.5	/
Du, Han & Shang (2022)	1	1	1	1	0.5	0	4.5	/
Shao et al. (2021)	1	1	1	1	1	0	5	/
Pertiwi et al. (2021)	1	1	1	1	1	1	6	/
Tobia et al. (2014)	1	1	1	1	1	0	5	/
Shah et al. (2016)	1	1	1	1	0	1	5	/
Shen et al. (2021)	1	1	1	1	0	1	5	/
Alipour-Bashary et al. (2021)	1	1	1	1	1	1	6	/
He et al. (2021)	1	1	1	1	1	1	6	/
Chen, (2021)	1	1	1	1	1	1	6	/
Shariff & Norazahar (2012)	1	1	1	1	1	1	6	/
Zhang & Luo (2017)	1	1	1	1	1	1	6	/
Mohammadfam, Abdolahi & Karimi (2018)	1	1	1	1	1	1	6	/
Xu et al. (2023b)	1	1	1	1	1	1	6	/

Pengabstrakan dan analisis data saling melengkapi antara satu sama lain. Pengabstrakan data memisahkan pemboleh ubah penting untuk dianalisis, manakala analisis data menggunakan pemboleh ubah tersebut untuk mencipta cerapan praktikal. Menggabungkan kedua-dua kaedah ini memperluaskan pemahaman tentang risiko keselamatan dalam makmal kejuruteraan dan membantu membangunkan strategi keselamatan yang berkesan. Penyelidikan ini dijalankan secara bersama antara pengarang utama dan pengarang bersama untuk menghasilkan tema yang sesuai dengan hasil kajian. Pengarang menjalankan perbincangan mendalam untuk menyelesaikan perbezaan pendapat dan menjelaskan tema. Selepas mencapai persetujuan, dua kumpulan pakar menyemak tema dan subtema yang dihasilkan, mengakui kepentingannya dan kaitannya dengan penemuan penyelidikan.

KEPUTUSAN

CIRI KAJIAN

Jadual 5 menunjukkan maklumat berkaitan kajian pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan di mana kaedah penyelidikan kuantitatif adalah yang paling banyak digunakan dengan 16 kajian (69.57%) menggunakan pendekatan ini. Terdapat juga dua kajian kes, tiga kajian gunaan, satu kajian konseptual dan satu analisis dasar. Trend penerbitan menunjukkan peningkatan minat dalam topik ini, dengan lima kajian diterbitkan pada 2023 dan tujuh pada 2021. Bidang tumpuan kajian berbeza-beza, termasuk kejuruteraan pembinaan (26.09%), makmal universiti (21.74%), makmal khusus (17.39%) serta pengangkutan dan infrastruktur.

Topik penyelidikan termasuk keselamatan makmal dan kesihatan pekerjaan (34.78%), keselamatan pembinaan dan kerjasama manusia-robot (30.43%) dan isu lain seperti alam sekitar dan keselamatan struktur. Keselamatan makmal dan kesihatan pekerjaan adalah subjek yang paling kerap dikaji. Kesimpulannya, data ini memberikan gambaran keseluruhan metodologi, trend penerbitan, kawasan kajian dan topik penyelidikan dalam kajian pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan.

Rajah 2 menunjukkan analisis peratusan terperinci bagi setiap kategori Penilaian Kualiti (QA), menjelaskan kekuatan dan kelemahan kepustakaan sedia ada. Artikel ini secara konsisten cemerlang dalam tiga aspek asas: menerangkan dengan jelas tujuan penyelidikan (QA1), berkesan dalam menyampaikan kepentingan dan faedah penyelidikan (QA2) dan mentakrifkan dengan jelas metodologi (QA3), yang setiap satunya mendapat markah maksimum 100%. Markah tinggi ini membentuk asas yang kukuh untuk pemahaman pembaca, keboleholangan penyelidikan dan kesahan.

JADUAL 5. Ciri kajian bagi artikel yang telah dipilih (n=23)

Kategori	Item	N	%
Jenis penyelidikan	Kuantitatif	16	69.57
	Kajian kes	2	8.7
	Digunakan	3	13.04
	Konseptual	1	4.35
	Analisis Dasar	1	4.35
Tahun penerbitan	2023	5	21.74
	2022	2	8.7
	2021	7	30.43
	2020	2	8.7
	2019	2	8.7
	2018	1	4.35
	2017	1	4.35
	2016	1	4.35
	2014	1	4.35
	2012	1	4.35
Bidang pengajian	Makmal Universiti	5	21.74
	Kejuruteraan pembinaan	6	26.09
	Makmal Khusus	4	17.39
	Pengangkutan dan Infrastruktur	3	13.04
	Metodologi Lanjutan	5	21.74
Subjek	Keselamatan Makmal dan Kesihatan Pekerjaan	8	34.78
	Keselamatan Pembinaan dan Kerjasama Manusia-Robot	7	30.43
	Kimia Alam Sekitar dan Pengurusan Sisa	1	4.35
	Keselamatan Struktur dan Ergonomik	2	8.70
	Keselamatan Kebakaran dan Perobohan	2	8.70
	Penilaian Risiko Kejuruteraan	1	4.35
	Analisis Korelasi Kelabu	1	4.35
	Landasan dan Pengurusan Keselamatan	1	4.35

Walau bagaimanapun, skor menurun sedikit kepada 95.65% apabila mentakrifkan konsep pendekatan dengan jelas (QA4), menunjukkan kawasan kecil untuk penambahbaikan. Bidang yang paling menonjol untuk penambahbaikan ialah membandingkan dan mengukur kerja dengan pekerjaan lain yang serupa (QA5) dan menyebut secara jelas batasan kajian (QA6) dengan masing-masing mendapat markah 65.22% dan 60.87%. Skor rendah ini menunjukkan bahawa penyelidikan masa depan boleh mendapat manfaat daripada analisis perbandingan yang lebih mendalam dan lebih ketelusan dalam membincangkan batasan.

Menurut klasifikasi penyelidikan oleh Creswell dan Creswell (2017) dan Snyder, (2019), analisis metodologi yang digunakan dalam kajian kepustakaan sistematik digambarkan dalam Rajah 3. Metodologi yang sering digunakan ialah analisis statistik, yang diterbitkan dalam enam artikel. Pendekatan ini menggunakan data empirik untuk mengesahkan teori dan hipotesis, merangkumi 26.1% daripada jumlah kajian kepustakaan sistematik oleh Chiroli et al. (2019). Analisis statistik dalam kepustakaan menunjukkan bahawa pendekatan ini membantu memberikan ketepatan empirik kepada pengurusan risiko keselamatan dalam persekitaran makmal kejuruteraan. Tambahan pula, Kajian Kes dan Model Pengiraan Lanjutan sering digunakan, setiap satu disemak dalam lima penerbitan. Kajian Kes menyediakan penerokaan yang mendalam tentang situasi sebenar (Zhang et al. 2020), manakala Model Pengiraan Lanjutan menggunakan analisis teknikal untuk penilaian risiko (Novák et al. 2023). Kedua-dua metodologi ini menyumbang 43.5% daripada jumlah penyelidikan, menunjukkan keseimbangan antara penyelidikan empirik dan pemodelan pengiraan.

Kaedah soal selidik digunakan dalam empat artikel, menilai kesan pengalaman dan pandangan subjektif dan mengarang 17.4% daripada keseluruhan penyelidikan (Eridani et al. 2020). Metodologi ini menyumbang kepada pemahaman unsur manusia yang memainkan peranan dalam pengurusan risiko keselamatan. Akhir sekali, Model Konseptual digunakan dalam tiga artikel, memfokuskan pada kerangka teori untuk menerangkan fenomena dan membentuk 13% daripada jumlah kajian (Guide 2016). Penggunaan Model Konseptual menunjukkan minat yang berterusan dalam membangunkan asas teori untuk amalan pengurusan risiko keselamatan. Kepelbagaian dalam metodologi menggariskan tahap kesukaran pengurusan risiko keselamatan dalam makmal kejuruteraan yang memerlukan pelbagai pendekatan untuk pemahaman menyeluruh tentang bidang tersebut.


Rajah 4 menggambarkan pelbagai metodologi penyelidikan yang digunakan dalam artikel yang disemak berkaitan dengan pengurusan risiko keselamatan

di makmal kejuruteraan. Penyelidikan kuantitatif adalah pendekatan yang paling dominan, mencakupi 69.57% daripada kajian dengan 16 kajian dalam kategori ini. Penyelidikan kuantitatif dikenal pasti melalui proses mengumpul dan meneliti data berangka untuk mendapatkan kesimpulan berdasarkan statistik dan pengetahuan. Dalam konteks pengurusan risiko keselamatan, kajian kuantitatif ini berkemungkinan akan menggunakan alat statistik dan teknik analisis data untuk menilai dan mengukur risiko keselamatan secara sistematik (Moretti, Cantisani & Caro 2017).

Kajian kes digunakan dalam bidang ini, membentuk 8.7% daripada penyelidikan dengan dua di antaranya tergolong dalam kategori ini. Kajian kes meneroka dan menganalisis secara terperinci kes tertentu. Dalam konteks pengurusan risiko keselamatan, pendekatan ini memberikan pandangan tentang insiden sebenar, menggambarkan amalan keselamatan, cabaran dan kesannya (Herepath, Kitchener & Waring 2015). Penyelidikan gunaan menyumbang 13.04% daripada kajian, dengan tiga dalam kategori ini. Matlamatnya adalah untuk menyelesaikan masalah sebenar dan menyediakan penyelesaian langsung. Dalam pengurusan risiko keselamatan, ini biasanya termasuk membangun dan melaksanakan tindakan keselamatan di lapangan yang membawa kepada penambahbaikan praktikal (Krechowicz 2017).

Penyelidikan konseptual, membentuk 4.35% daripada penyelidikan dengan satu kajian, melibatkan penerokaan dan pembangunan konsep teori. Dalam konteks pengurusan risiko keselamatan, kajian ini bertujuan untuk membangunkan model atau rangka kerja teori baharu untuk meningkatkan pemahaman tentang risiko keselamatan dan pengurusannya (Nixon et al. 2015). Akhir sekali, dengan 4.35% dalam satu kajian, penyelidikan analisis dasar melibatkan penilaian dasar, peraturan dan garis panduan. Dalam konteks pengurusan risiko keselamatan, kajian ini mengkaji keberkesanan peraturan keselamatan atau memberikan cadangan untuk penambahbaikan dasar (Nixon et al. 2015). Pelbagai metodologi penyelidikan ini memberikan pemahaman menyeluruh tentang pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan.

Rajah 5 menunjukkan taburan artikel dalam pelbagai bidang kajian. Bidang yang dikaji ialah Kejuruteraan Pembinaan yang mengandungi enam artikel atau 26.1%, daripada jumlah artikel. Ini diikuti oleh Makmal Universiti dan Metodologi Lanjutan, setiap satu mengandungi lima artikel atau 21.7% daripada jumlah keseluruhan. Makmal khusus juga memegang bahagian penting dengan empat artikel tersebut membentuk 17.4%. Akhir sekali, Pengangkutan dan Infrastruktur diwakili oleh tiga artikel, mewakili 13.0% daripada bidang kajian. Pengagihan ini memberikan pandangan keseluruhan tentang landskap penyelidikan,



RAJAH 2. Analisis Peratusan untuk Setiap Kategori QA

menekankan fokus utama pada Kejuruteraan Pembinaan dan pentingnya persekitaran akademik serta metodologi

yang terkini dalam perbincangan pengurusan risiko keselamatan berdasarkan Jadual 6.


JADUAL 6. Senarai 23 artikel terpilih bagi kajian kepustakaan sistematik

Penulis	Tajuk	Konteks	Bidang
Zhao et al. (2023)	<i>Risk Assessment Of Safety Level In University Laboratories Using Questionnaire And Bayesian Network</i>	Penilaian risiko di makmal universiti menggunakan Bayesian Network dan soal selidik	Makmal Universiti
Murcia et al. (2023)	<i>Risk Assessment And Green Chemistry Applied To Waste Generated In University Laboratories</i>	Penilaian risiko dan pengurusan sisa di makmal universiti	Makmal Universiti
Chen et al. (2023)	<i>Identifying The Risk Factors And Their Interactions Of Human-Robot Collaboration Implementation During Engineering Project Construction: Evidence From China</i>	Faktor risiko dalam kerjasama manusia-robot semasa projek kejuruteraan	Kejuruteraan Pembinaan
Álvarez-Chávez et al. (2019)	<i>Assessing College Students' Risk Perceptions Of Hazards In Chemistry Laboratories</i>	Persepsi risiko dalam kalangan pelajar kolej di makmal kimia	Makmal Khusus
Zhang et al. (2020)	<i>Assessing The Safety Risks Of Civil Engineering Laboratories Based On Lab Criticity Index: A Case Study In Jiangsu Province</i>	Penilaian risiko keselamatan di makmal kejuruteraan awam	Kejuruteraan Pembinaan
Gong et al. (2020)	<i>Safety Risk Evaluations Of Deep Foundation Construction Schemes Based On Imbalanced Data Sets</i>	Penilaian keselamatan dalam pembinaan asas dalam	Kejuruteraan Pembinaan
Corso et al. (2022)	<i>Management Of Occupational Safety And Health (OSH) In University Chemical Laboratories: A Case Study At A University Federal Public Service In The Interior Of Paraná - Brazil</i>	Pengurusan KKP di makmal kimia universiti	Makmal Universiti
Sajorda & Martin (2023)	<i>Composite Laboratory Structural Equipment Safety Factors At The Philippine State College Of Aeronautics</i>	Faktor keselamatan dalam makmal Aeronautik	Makmal Khusus


continued...

...continuing


Chiroli et al. (2019)	<i>Work Safety Management Applied To A Lab Used By A Junior Company Of Chemical Engineering</i>	Keselamatan kerja di makmal kejuruteraan kimia	Makmal Khusus
Lin, Wu & Xu (2021)	<i>Investigation Of Factors Influencing The Construction Safety Of High-Speed Railway Stations Based On DEMATEL And ISM</i>	Faktor yang mempengaruhi keselamatan dalam pembinaan kereta api laju	Pengangkutan dan Infrastruktur
Du, Han & Shang (2022)	<i>Safety Risk Control In Construction Engineering Based On The Interval Analytic Hierarchy Process And Technique For Order Preference By Similarity To Ideal Solution</i>	Kawalan risiko keselamatan dalam kejuruteraan pembinaan	Kejuruteraan Pembinaan
Shao et al. (2021)	<i>Integrating Ergonomics Into Safety Management: A Conceptual Risk Assessment Model For Tower Controllers At Multiple Altitudes</i>	Ergonomik dan keselamatan dalam kawalan menara	Pengangkutan dan Infrastruktur
Pertiwi et al. (2021)	<i>Risk Management Of Material Laboratory, Department Of Civil Engineering, Bali State Polytechnic For Preparation Of Occupational Safety And Health Program</i>	Pengurusan risiko dalam makmal bahan untuk kejuruteraan awam	Kejuruteraan Pembinaan
Tobia et al. (2014)	<i>Fire Risk Analysis With A Performance-Based Fire Safety Engineering Approach And FDS Models For Underground Facilities In Gran Sasso National Laboratories</i>	Analisis risiko kebakaran di kemudahan bawah tanah	Makmal Khusus
Shah et al. (2016)	<i>Risk Management Policy Of Telecommunication And Engineering Laboratory</i>	Pengurusan risiko dalam makmal telekomunikasi dan kejuruteraan	Makmal Khusus
Shen et al. (2021)	<i>Research On The Influence Mechanism Of Safety Risk Factors On Traffic Organization Of High-Speed Railway Construction</i>	Faktor risiko keselamatan dalam pembinaan kereta api berkelajuan tinggi	Pengangkutan dan Infrastruktur
Alipour-Bashary et al. (2021)	<i>A Hybrid Fuzzy Risk Assessment Framework For Determining Building Demolition Safety Index</i>	Rangka kerja penilaian risiko untuk perobohan bangunan	Kejuruteraan Pembinaan
He et al. (2021)	<i>Risk Assessment Of Pipeline Engineering Geological Disaster Based On GIS And WOE-GA-BP Models</i>	Penilaian risiko dalam kejuruteraan saluran paip	Kejuruteraan Pembinaan
Chen (2021)	<i>Research Of The Safety Path Of Colleges And Universities Laboratory Basing On The Analysis Of Grey Correlation Degree</i>	Penyelidikan laluan keselamatan di makmal universiti	Makmal Universiti
Shariff & Norazahar (2012)	<i>At-Risk Behaviour Analysis And Improvement Study In An Academic Laboratory</i>	Analisis tingkah laku dalam makmal akademik	Makmal Universiti
Zhang & Luo (2017)	<i>Influencing Factors Of Runway Incursion Risk And Their Interaction Mechanism Based On Dematel-Ism</i>	Faktor yang mempengaruhi risiko pencerobohan landasan	Pengangkutan dan Infrastruktur
Mohammadfam, Abdolahi & Karimi (2018)	<i>Assessment And Risk Management In The Laboratories Of The School Of Public Health, A Medical University Using The Achil Technique</i>	Pengurusan risiko di makmal kesihatan awam	Makmal Khusus
Xu et al. (2023b)	<i>Identification And Analysis Of Influencing Factors On Construction Quality Management For Rural Drinking Water Safety Projects</i>	Faktor yang mempengaruhi kualiti pembinaan dalam projek air luar bandar	Kejuruteraan Pembinaan



RAJAH 3. Pengagihan artikel berdasarkan metodologi



RAJAH 4. Pengagihan artikel berdasarkan jenis metodologi kajian



RAJAH 5. Pengagihan artikel berdasarkan bidang kajian

Persoalan Kajian:

Apakah faktor utama yang mempengaruhi amalan pengurusan risiko keselamatan di makmal kejuruteraan, dan bagaimanakah faktor ini mempengaruhi persekitaran keselamatan di makmal?

TEMA

Analisis tematik mengenal pasti lima tema utama dan lapan belas subtema: 1) Protokol Pengurusan Risiko, 2) Faktor Organisasi, 3) Faktor Fizikal dan Persekitaran, 4) Faktor Luaran dan Kontekstual, serta 5) Hala Tuju Inovatif Baharu untuk tema utama. Ringkasan tema utama dan subtema adalah berdasarkan Jadual 7.

JADUAL 7. Tema dan Subtema

Penulis	Protokol Pengurusan Risiko				Faktor Organisasi				Faktor Fizikal dan Persekitaran			Faktor Luaran dan Kontekstual			Faktor Hala Tuju Inovatif Baharu				
	PI	TD	PM	PKTK	DP	KK	ABT	DTU	PP	ME	JK	UU	W	PB	GT	IT	KKA	KP	IP
Zhao et al. (2023)	/	/	/	/	/				/	/									/
Murcia et al. (2023)	/	/	/		/			/	/		/				/		/		/
Chen et al. (2023)		/	/		/	/	/	/	/	/		/	/	/	/			/	/
Álvarez-Chávez et al. (2019)		/	/		/		/	/	/	/									/
Zhang et al. (2020)	/				/	/	/	/	/	/		/		/				/	/
Gong et al. (2020)	/	/	/		/			/			/					/			/
Corso et al. (2022)			/	/	/	/	/	/	/	/	/	/		/	/				/
Sajorda & Martin (2023)	/	/							/					/	/				
Chiroli et al. (2019)	/		/				/	/	/	/		/			/				
Lin, Wu & Xu (2021)	/	/	/	/	/	/	/	/	/		/	/	/	/	/	/	/	/	/
Du, Han & Shang (2022)			/		/		/		/	/					/				/
Shao et al. (2021)			/		/		/		/	/				/	/			/	
Pertiwi et al. (2021)					/	/	/	/	/	/					/				/
Tobia et al. (2014)	/	/		/				/	/	/		/		/	/	/			
Shah et al. (2016)	/								/										
Shen et al. (2021)		/		/	/	/			/		/			/			/		/
Alipour-Bashary et al. (2021)	/	/			/				/										
He et al. (2021)	/		/						/							/			
Chen (2021)	/	/		/	/		/	/	/			/							
Shariff & Norazahar (2012)			/	/	/	/		/	/	/		/			/			/	/
Zhang & Luo (2017)				/			/		/	/					/			/	/
Mohammadfam, Abdolahi & Karimi (2018)				/			/												
Xu et al. (2023b)	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/					/		/		/

PI = Pengenalpastian Risiko; TD = Teknologi Data; PM = Penilaian dan Maklumbalas; PKTK = Pengurusan Krisis dan Tindak Balas Kecemasan; DP = Dasar dan Prosedur Pengurusan; KK = Komunikasi dan Kerjasama; ABT = Aspek Budaya dan Tingkah Laku; DTU = Dasar dan Tadbir Urus Institusi; PP = Peralatan dan Persekitaran; ME = Faktor Manusia dan Ergonomik; JK = Jaminan dan Kawalan Kualiti; UU = Pertimbangan Undang-Undang dan Etika; W = Kewangan; PB = Faktor Luaran dan Penglibatan Pihak Berkepentingan; GT = Konteks Global dan Tempatan; IT = Inovasi Teknologi; KKA = Kemampanan dan Kesan Alam Sekitar; KP = Keselamatan Psikologi; IP = Inovasi dan Penyelidikan dalam Keselamatan

PROTOKOL PENGURUSAN RISIKO PENGENALPASTIAN RISIKO

Subtema pengenalanpastian risiko dalam protokol pengurusan risiko menekankan kepentingan mengenal pasti risiko dalam pelbagai tetapan, terutamanya makmal universiti. Soal selidik dan analisis rangkaian Bayesian mengenal pasti risiko (Zhao et al. 2023), memfokuskan pada kesedaran keselamatan yang tidak mencukupi dan kegagalan peralatan (Zhang et al. 2020). Risiko kimia, mekanikal dan kebakaran dikenal pasti sebagai bidang perhatian yang paling utama (Gong et al. 2020; Murcia et al. 2023; Tobia et al. 2014). Faktor manusia dan pengurusan, termasuk kemerosotan kognitif dan sistem pengurusan keselamatan yang tidak sempurna, diiktiraf mempengaruhi risiko (Lin, Wu & Xu 2021). Peta risiko dan analisis korelasi kelabu digunakan untuk penilaian dan pengurusan risiko yang lebih dinamik (Chiroli et al. 2019; Chen 2021). Kesimpulannya, pengenalanpastian risiko memerlukan pendekatan yang berstruktur dan sistematik, menekankan latihan yang tepat dan pengurusan dinamik untuk mitigasi yang berkesan.

TEKNOLOGI DATA

Subtema ini menekankan peranan kritikal teknologi data dalam pengenalanpastian dan penilaian risiko dalam pelbagai sektor dengan tumpuan khusus kepada makmal universiti. Model rangkaian Bayesian, *Globally Harmonized System* (GHS) dan *Social Network Analysis* (SNA) digunakan untuk analisis risiko yang mendalam (Chen et al. 2023; Murcia et al. 2023; Zhao et al. 2023). Algoritma pembelajaran mesin dan pelbagai kaedah tinjauan menyokong penilaian keselamatan praktikal (Gong et al. 2020; Sajorda & Martin 2023). Pendekatan seperti model *System Dynamics* (SD), *Analytical Hierarchy Process* (AHP) dan *Computational Fluid Dynamics* (CFD) menambah dimensi baharu kepada analisis risiko (Lin, Wu & Xu 2021; Shen et al. 2021; Tobia et al. 2014). Analisis korelasi kelabu dan penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Algoritma Genetik (GA) mengukuhkan penilaian risiko (Chen 2021; He et al. 2021). Secara keseluruhannya, menggabungkan teknologi data dengan mengukuhkan ketepatan empirik dan memudahkan pelaksanaan strategi pengurusan keselamatan yang lebih berfokus, mencerminkan perkembangan dalam penilaian risiko dan tadbir urus keselamatan.

PENILAIAN DAN MAKLUM BALAS

Subtema ketiga menggariskan kepentingan penilaian dan maklum balas yang rapi untuk meningkatkan keselamatan, terutamanya di makmal universiti. Penyelidikan menunjukkan penggunaan data soal

selidik untuk penilaian risiko (Chen et al. 2023; Zhao et al. 2023) dan pengesahan garis panduan keselamatan (Murcia et al. 2023). Inovasi seperti penggunaan Realiti Maya (VR) untuk penilaian latihan (Lin, Wu & Xu 2021) dan analisis sentraliti untuk pengurusan keselamatan menyerlahkan pendekatan penilaian. Kajian lain menilai dan menambah baik latihan dan amalan keselamatan berdasarkan persepsi risiko (Álvarez-Chávez et al. 2019; Corso et al. 2022) dan menggunakan algoritma klasifikasi untuk penilaian risiko (Gong et al. 2020). *Balanced Scorecard* memantau parameter keselamatan (Chiroli et al. 2019), manakala maklum balas digital mengukuhkan tingkah laku selamat (Shariff & Norazahar 2012; Xu et al. 2023b). Kesimpulannya, penyelidikan ini menekankan penilaian berterusan dan mekanisme maklum balas sebagai kunci untuk meningkatkan keselamatan dalam persekitaran akademik di makmal kejuruteraan.

PENGURUSAN KRISIS DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

Subtema pengurusan krisis dan tindak balas kecemasan di makmal universiti menekankan kepentingan pelbagai aspek keselamatan. Zhao et al. (2023) menekankan isu pengurusan yang luas sebagai kebimbangan utama, manakala Corso et al. (2022) mencadangkan latihan komprehensif dalam pertolongan cemas dan prosedur kecemasan. Lin, Wu dan Xu (2021) mencadangkan menggunakan Realiti Maya (VR) untuk latihan keselamatan yang lebih interaktif dan realistik. Tobia et al. (2014) menekankan kepentingan penyediaan untuk senario kecemasan tertentu, manakala Shen et al. (2021) mengenal pasti keupayaan tindak balas kecemasan kakitangan sebagai salah satu faktor kritikal sementara itu, Chen (2021) memfokuskan pada pengurangan risiko melalui pemeriksaan keselamatan tanpa mendalami pengurusan krisis atau tindak balas kecemasan secara khusus. Secara keseluruhannya, penyelidikan menunjukkan keperluan untuk pendekatan komprehensif terhadap pengurusan krisis dan tindak balas kecemasan yang melibatkan latihan, teknologi dan persediaan untuk senario tertentu dalam pengurusan risiko.

FAKTOR ORGANISASI DASAR DAN PROSEDUR PENGURUSAN

Subtema dasar dan prosedur pengurusan dalam konteks faktor organisasi memaparkan faktor utama yang mempengaruhi keselamatan di makmal universiti. Murcia et al. (2023) dan Zhao et al. (2023) mengenal pasti latihan keselamatan yang tidak mencukupi dan struktur pengurusan yang lemah sebagai isu utama, manakala Chen et al. (2023) menekankan kepentingan budaya dan sumber organisasi. Álvarez-Chávez et al. (2019) dan

Zhang et al. (2020) memerlukan dasar pengurusan yang lebih mantap dan sistem keselamatan yang lebih baik.

Corso et al. (2022) menambah perspektif kawal selia dengan Lin, Wu dan Xu (2021) dan Du, Han dan Shang (2022) mencadangkan penstrukturan dan integrasi ergonomik dalam pengurusan keselamatan. Pertiwi et al. (2021) menyerlahkan penggunaan HIRARC dan Shen et al. (2021) dan Alipour-Bashary et al. (2021) menekankan kepentingan kawalan keselamatan dan latihan PPE. Shariff dan Norazahar (2012) dan Zhang dan Luo (2017) menggariskan kepentingan latihan dan pemantauan keselamatan, dengan Mohammadfam, Abdolahi dan Karimi (2018) dan Xu et al. (2023b) menutup perbincangan dengan menekankan keperluan untuk sistem kawal selia dan pemeriksaan yang menarik. Secara ringkasnya, penyelidikan ini menunjukkan kepentingan dasar dan prosedur pengurusan yang kukuh, budaya organisasi yang menyokong dan peraturan yang berkesan dalam memastikan keselamatan di makmal universiti.

KOMUNIKASI DAN KERJASAMA

Subtema komunikasi dan kerjasama menekankan kepentingan aspek ini dalam meningkatkan keselamatan di makmal universiti. Chen et al. (2023) dan Zhang et al. (2020) menekankan kepentingan hubungan organisasi yang baik dan pembentukan saluran komunikasi yang berkesan untuk keselamatan teknologi dan prosedur. Corso et al. (2022) menambah bahawa maklumat latihan dan keselamatan harus disampaikan dengan berkesan kepada semua pengguna makmal. Lin, Wu dan Xu (2021) dan Pertiwi et al. (2021) menggariskan keperluan untuk komunikasi dan kerjasama dalam menguruskan risiko yang saling berkaitan dengan Pertiwi et al. (2021) menawarkan model komunikasi praktikal melalui sesi ceramah pagi. Shen et al. (2021) menunjukkan penyelarasan kerja sebagai kunci kepada keselamatan, manakala Shariff dan Norazahar (2012) menggalakkan pemantauan rakan sebaya sebagai sebahagian daripada tanggungjawab kolektif. Xu et al. (2023b) mengenal pasti komunikasi sebagai faktor kritikal yang dipengaruhi oleh pemboleh ubah lain, menekankan kepentingan komunikasi di semua peringkat pengurusan. Penyelidikan ini mengesahkan bahawa komunikasi dan kerjasama adalah penting untuk pengurusan keselamatan yang berkesan dalam persekitaran di makmal universiti.

ASPEK BUDAYA DAN TINGKAH LAKU

Subtema ini menekankan pengaruh aspek budaya dan tingkah laku terhadap keselamatan di makmal universiti. Penyelidikan oleh Álvarez-Chávez et al. (2019) dan Chen et al. (2023) menunjukkan bahawa penentangan terhadap perubahan, celik teknologi yang agak terhad dan dimensi emosi seperti ketakutan dan keberkesanan diri adalah faktor risiko yang paling penting. Zhang

et al. (2020) menambah bahawa keadaan fizikal dan psikologi pengendali sangat mempengaruhi kesedaran keselamatan. Kajian oleh Chirolu et al. (2019) dan Corso et al. (2022) menekankan kepentingan membangunkan budaya yang mengutamakan kesihatan dan pencegahan risiko, manakala Lin, Wu dan Xu (2021) dan Du, Han dan Shang (2022) menggariskan kesedaran keselamatan sebagai salah satu komponen kritikal. Shao et al. (2021) dan Pertiwi et al. (2021) mengenal pasti beban kerja mental, keletihan dan sikap kerja sebagai faktor keselamatan. Chen (2021) dan Shariff dan Norazahar (2012) mencadangkan pendidikan keselamatan dan pemerhatian rutin untuk meningkatkan kesedaran. Xu et al. (2023b) menunjukkan persekitaran manusia sebagai faktor pengaruh yang signifikan dalam keselamatan. Kesimpulannya, penyelidikan ini mengesahkan keperluan untuk pendekatan integratif mempertimbangkan aspek budaya dan tingkah laku pengurusan keselamatan di makmal universiti.

DASAR DAN TADBIR URUS INSTITUSI

Subtema terakhir menekankan bagaimana dasar dan tadbir urus institusi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi amalan pengurusan keselamatan di makmal universiti. Kajian oleh Chen et al. (2023) dan Murcia et al. (2023) menyerlahkan kepentingan mempertimbangkan polisi insurans dan cabaran dalam keselamatan projek. Álvarez-Chávez et al. (2019) dan Zhang et al. (2020) menekankan peranan kritikal kakitangan dan penyeliaan dalam mengenal pasti risiko, manakala Gong et al. (2020) menunjukkan potensi penyelesaian teknologi melalui tadbir urus. Chirolu et al. (2019) dan Corso et al. (2022) menggariskan kepentingan program K3 dan piawai kawal selia dalam pengurusan keselamatan. Kajian lain seperti Lin, Wu dan Xu (2021) dan Pertiwi et al. (2021) menyokong pendekatan berstruktur dan HIRARC dalam sistem K3. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa dasar dan tadbir urus institusi memainkan peranan penting dalam menentukan hasil keselamatan di makmal universiti.

FAKTOR FIZIKAL DAN PERSEKITARAN PERALATAN DAN PERSEKITARAN

Subtema pertama bagi faktor fizikal dan persekitaran ini menekankan kepentingan peralatan dan faktor persekitaran dalam pengurusan risiko di makmal universiti. Murcia et al. (2023) dan Zhao et al. (2023) menekankan analisis risiko yang mempertimbangkan peralatan dan pemboleh ubah persekitaran, termasuk kesan sisa kimia. Álvarez-Chávez et al. (2019) dan Chen et al. (2023) mengenal pasti teknologi robot pembinaan dan bahan kimia sebagai faktor risiko utama. Penyelidikan lain seperti Corso et al. (2022) dan Zhang et al. (2020) menunjukkan risiko daripada kegagalan peralatan dan keadaan persekitaran, manakala Chirolu et

al. (2019) dan Sajorda dan Martin (2023) menyerlahkan kekurangan peralatan dan keperluan untuk Peralatan Pelindung Diri (PPE) manakala Du, Han dan Shang (2022) dan Shao et al. (2021) dengan memperluaskan rangka kerja penilaian risiko untuk menyepadukan mesin dan faktor khusus alam sekitar. Penyelidikan ini secara kolektif menekankan kepentingan memahami interaksi antara peralatan dan persekitaran dalam membangunkan strategi pengurusan risiko yang berkesan.

FAKTOR MANUSIA DAN ERGONOMIK

